

1. JAWATAN	: JURUTEKNOLOGI MAKMAL KANAN
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN PERKHIDMATAN MAKMAL KEMENTERIAN KESIHATAN
BAHAGIAN	: II
TANGGAGAJI	: M.12 (\$2,840 - \$3,700 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: TIGA (3)

KELAYAKAN MINIMUM:


1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Sains Makmal Perubatan atau bidang bersesuaian dan berpengalaman tidak kurang dari 3 tahun di dalam bidang yang sama.

ATAU

- b) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Sains Makmal Perubatan serta telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan sebagai Juruteknologi Makmal dalam tanggagaji M.11 tidak kurang dari 5 tahun.
2. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JURUTEKNOLOGI MAKMAL KANAN:

1. Bertanggungjawab dalam menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan ujian diagnostik melalui pemeriksaan makmal dan apa-apa saja tugas yang diarahkan atau dipertanggungjawabkan oleh Ketua Pegawai Saintifik.
2. Bertanggungjawab memastikan kesempurnaan kajian makmal dengan mengawasi pengawalan mutu kajian makmal yang dikendalikan.
3. Bertanggungjawab membantu atau memperbaiki atau memperkenalkan kajian makmal yang tertentu.



4. Membantu pegawai atasan dalam melaksanakan pengesahan kaedah ujian-ujian makmal (*Method Verification*) dan pengurusan kualiti makmal.
5. Bertanggungjawab membantu mengendalikan atau memberi latihan atau mengadakan seminar / kursus ulangkaji bagi kakitangan Makmal, Jururawat, Merinyu Kesihatan serta penuntut-penuntut yang sedang menjalani latihan penempatan di bahagian makmal-makmal berkenaan.
6. Bertugas 'on-call' atau panggilan kecemasan di luar waktu-waktu pejabat dan pada hari-hari kelepasan awam menurut jadual yang ditetapkan oleh bahagian Makmal.
7. Menyediakan laporan sulit / prestasi kerja bagi kakitangan bawahan.
8. Bertanggungjawab dalam mengawasi kakitangan-kakitangan bawahan yang bertugas.
9. bertanggungjawab dalam pengurusan barang-barang keperluan dalam bahagian makmal berkenaan.
10. Bersedia untuk ditempatkan dan bertugas di mana-mana makmal keempat-empat daerah.
11. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.